

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Nasional / Pg. 9
Date	Tue, 16 <sup>th</sup> Dec 2014	Lead Article	Yes
Headline	MaGIC Yakin Dapat Sambutan		

# MaGIC yakin dapat sambutan

» Lebih banyak syarikat Bumiputera dijangka sertai program

Oleh Shahrizan Salian dan Irwan Shafrihan Ismail  
bhnews@bh.com.my

► Cyberjaya

**P**usat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) menjangkakan penyertaan lebih banyak syarikat permulaan Bumiputera dalam pelbagai program keusahawanan yang sedang giat dijalankan.

Isa susulan pelancaran MaGIC Bumipreneurs yang mencerminkan usaha kerajaan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang keusahawanan bagi menjana pembangunan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan, berkata kerajaan menyasar sekurang-kurangnya 50 peratus syarikat permulaan menyertai rangkaian program MaGIC daripada pemilik Bumiputera.

"Penubuhan MaGIC Bumipreneurs disasar meningkatkan lagi penyertaan usahawan Bumiputera bukan saja dalam program anjuran MaGIC, malahan bagi ekosistem keusahawanan secara keseluruhannya," katanya pada sidang media pelan-



Ahmad (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman antara Yeoh (kanan) dengan Pengarah Khidmat Korporat TERAJU, Norfaazah Basir pada **majlis pelancaran MaGIC Bumipreneurs** di Cyberjaya, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BHG]

caran MaGIC Bumipreneurs di sini, semalam.

Pelancaran turut disempurnakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga Pengerusi MaGIC, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar dan Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Cheryl Yeoh.

MaGIC Bumipreneurs adalah pelan komprehensif untuk meningkatkan capaian kepada komuniti usahawan tempatan, khususnya Bumiputera untuk mempromosikan budaya syarikat permulaan.

#### Program usaha sama

Selain menyediakan platform keusahawanan, MaGIC juga

akan menyokong dan melengkapkan komuniti usahawan Bumiputera menerusi pelbagai dialog dengan agensi kerajaan, sektor swasta berkaitan selain program usaha sama.

Ahmad berkata, selepas hampir setahun beroperasi, MaGIC dijangka menyediakan dana pertamanya kepada usahawan tahun depan dalam bentuk pinjaman.

"Kerajaan akan menyediakan pinjaman bagi membolehkan usahawan permulaan membangunkan lagi perniagaan masing-masing. Kadar faedah yang rendah mungkin dikenakan kepada peminjam," katanya.

Sementara itu, Yeoh berkata dalam tempoh tujuh bulan penubuhannya, kira-kira 10,000 usahawan tempatan mendapat pelbagai manfaat daripada beberapa program keusahawanan dijalankan MaGIC.

"Program sedia ada akan diteruskan dan beberapa program baharu akan diperkenalkan pada tahun depan. Kami menjangkakan penyertaan meningkat kepada 15,000 usahawan sepanjang 2015," katanya.

Antara program yang sudah dan sedang dijalankan ialah dialog usahawan, Gabungan Rakan Entrepreneur Aspirasi Terhebat (GREAT 2014) dan kem keusahawanan sosial.